

## SIARAN AKHBAR

S.A. 2020/05/34 (HQ)

### **ANAK SYARIKAT TNB JALIN KERJASAMA DENGAN ENVISION DIGITAL UNTUK PENDIGITALAN OPERASI PROJEK SOLAR TERBESARNYA DI MALAYSIA**

TNB Renewables Sdn. Bhd. (TRe), anak syarikat milik penuh syarikat utiliti elektrik negara Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjalinkan kerjasama dengan Envision Digital International Pte Ltd (Envision Digital) untuk penggunaan aplikasi analisis data besar di ladang solar berskala besar (LLS) di Sepang, Selangor, bagi meningkatkan produktiviti penjanaan tenaga dan kecekapan operasi projek tersebut.

Ladang solar berkapasiti 50 megawatt (MW) itu adalah satu daripada projek solar terbesar di Malaysia. Ia mempunyai 238,140 panel solar yang menjana lebih daripada 110,000 megawatt tenaga setiap jam (MWh) dalam tahun pertama operasinya pada tahun 2019.

Kerjasama dengan syarikat dari Singapura itu melibatkan penggunaan applikasi analisis digital berasaskan teknologi awan (*cloud*) seperti Enlight™ Solar, Ensight™ Solar dan Forecaster. Menerusi sistem operasi AloT (Artificial Intelligence of Things) oleh Envision Digital, applikasi-aplikasi ini akan meningkatkan kemampuan TRe untuk menyumbang secara aktif kepada pembangunan serta penggunaan tenaga boleh baharu daripada pelbagai sumber merentasi portfolio aset-aset tenaga syarikat.

Aplikasi Ensight™ Solar Monitoring akan membolehkan pasukan operasi TRe untuk mengakses status operasi secara masa nyata, lantas meningkatkan kecekapan operasi dan penyelenggaraan.

Perisian analisis canggih, Ensight™ Solar membolehkan TRe memantau prestasi penjanaan ladang solar secara terperinci. Manakala perisian pembelajaran mesin (*machine learning*) dan kecerdasan buatan (AI) membolehkan perisian Forecaster untuk merawal ramalan keadaan cuaca dan penajaan tenaga bagi memastikan TNB dapat mengurus bekalan dan permintaan grid secara efektif.

Pengarah Urusan TNB Renewables, Ir. Mohd Yusrizal berkata “Kami sentiasa mencari penyelesaian teknologi berinovasi yang boleh membantu mempercepatkan perkembangan TRe dalam sektor tenaga boleh dibaharu.

Ladang solar di Sepang adalah projek solar berskala besar kami yang pertama di Malaysia. Dengan penggunaan perisian-perisian berasaskan teknologi awan (*cloud*), kami boleh memantau dan menganalisa prestasi ladang solar itu dari jauh serta mencapai pulangan pelaburan yang lebih baik.

S.A. 2020/05/34 (HQ)

"TRe juga komited dalam menggunakan penyelesaian inovatif untuk memacu kemampuan kami bagi menjadi pemaju serta pengurus aset boleh baharu yang berdaya saing di Malaysia dan rantau ini."

Presiden Antarabangsa Envision Digital, Sylvie Ouziel berkata "Sejajar dengan aspirasi Malaysia untuk mencapai 20% kapasiti tenaga boleh dibaharu pada 2025, projek seperti ini yang menjadi meningkatkan produktiviti aset-aset tenaga boleh baharu sedia ada melalui penggunaan teknologi AIoT adalah penting.

"Penggunaan AIoT yang lebih meluas dalam sektor tenaga boleh baharu diharap dapat meningkatkan manfaat daripada teknologi ini. Kami berbesar hati dapat mengukuhkan hubungan dengan TNB Renewables Sdn. Bhd. melalui projek ini selain daripada membantu mewujudkan masa depan serta sektor tenaga yang lebih lestari untuk rakyat Malaysia."

Sejak projek ini bermula pada Mac 2019, kedua-dua organisasi telah bekerjasama dalam pelbagai inisiatif melibatkan tenaga boleh baharu dan transformasi digital. Akhirnya, TRe akan mewujudkan sebuah platform tenaga boleh baharu secara digital yang memanfaatkan sistem operasi EnOS AIoT daripada Envision bagi menghubungkan aset serta aplikasi tenaga boleh baharu seperti biogas, biojisim dan hidro mini. Platform itu bukan sahaja akan membolehkan TRe memantau dan mengurus operasi serta prestasi aset, tetapi ia juga membolehkan TRe menjalankan integrasi operasi melibatkan pelbagai sumber tenaga boleh dibaharu.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 6 Mei 2020, jam 9:30 pagi**

*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Fitri Majid di talian 013-3626923 /*

*Grace Tan di talian 016-6626229 / Nasir Aziz di talian 018-9434524*

*atau emel ke [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

#### ***Mengenai TNB Renewables Sdn Bhd***

*TNB Renewables Sdn Bhd (TRe) – anak Syarikat milik Penuh Tenaga Nasional Berhad (TNB) – ditubuhkan pada 2018 untuk mengembangkan perniagaan tenaga boleh baharu TNB. Sejak itu, TRe telah berjaya mengembangkan kapasiti terpasang tenaga boleh baharunya kepada 97MW dan membangunkan keupayaan untuk mengurus aset tenaga boleh baharu dengan berjaya.*

*Daripada jumlah kapasiti terpasang itu, 65% adalah daripada solar, 17% daripada biomas/biogas dan selebihnya mini hidro.*

*TRe akan memfokuskan kepada perolehan projek tenaga boleh baharu melalui pengoptimuman kos dan memperkasakan keupayaan pengurusan aset, berdasarkan aset dalam negeri sedia ada. TRe memfokuskan untuk mengambil tindakan yang tepat untuk pembangunan projek tenaga boleh baharu dan membina nilai pada peringkat pengurusan aset.*

#### ***Mengenai Envision Digital***

*Envision Digital ialah peneraju global teknologi AIoT yang berpangkalan di Singapura dengan lebih 500 kakitangan merentasi 10 pejabat di China, Perancis, Norway, Belanda, United Kingdom dan Amerika Syarikat.*

S.A. 2020/05/34 (HQ)

*Envision Digital memiliki EnOS™, sistem operasi AIoT bertaraf dunia yang mengurus dan menghubungkan lebih 63 juta peranti pintar dan 120GW aset tenaga pada peringkat global. Aplikasi pemantauan, analisis maju serta ramalan dan pengoptimuman yang dihasilkan membolehkan pelanggan mengurus aset dan portfolio mereka dengan lebih baik. Penawaran perkhidmatannya merangkumi Smart Renewables (solar dan angin); Smart Cities; Connected Energy; dan Smart Plants; serta menjalinkan kerjasama dengan pelbagai syarikat dan kerajaan untuk proses transformasi digital.*

*Sebagai teraju utama dalam sistem operasi AIoT, Envision Digital mengembangkan satu ekosistem kepada rakan kongsinya untuk membolehkan transformasi digital dan tenaga secara global. Lebih daripada 250 pelanggan dan rakan kongsinya merentasi 10 industri termasuk: Accenture, Amazon Web Services, GovTech Singapore, Keppel, Microsoft, Nissan, PSA International, PTT, Sonnen, Tableau dan Total.*

*Untuk maklumat lanjut, layari [www.envision-digital.com](http://www.envision-digital.com)*

**Caption:**



Staf ladang solar berskala besar di Sepang sedang memeriksa panel solar yang berkapasiti menjana sehingga 50 megawatt (MW). Tenaga Nasional Berhad (TNB) menjalinkan kerjasama dengan Envision Digital untuk penggunaan aplikasi analisis data besar di ladang solar berskala besar (LLS) di Sepang, Selangor, bagi meningkatkan produktiviti penjanaan tenaga dan kecekapan operasi projek tersebut.





Projek solar berskala besar (LLS) Tenaga Nasional Berhad (TNB) di Sepang, Selangor dilengkapi dengan 238,140 panel solar dengan kapasiti penjanaan sehingga 50 megawatt (MW).